

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KEPENTINGAN TATABAHASA ARAB
DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA DI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

***[STUDENT'S PERCEPTIONS OF THE IMPORTANCE OF ARABIC GRAMMAR TO
INCREASE READING SKILLS AT SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY]***

SITI NURSYAHMINA AZMINA SHEIKH MOHD ZAIDI^{1*}
& MOHAMMAD TAUFIQ ABDUL GHANI²

¹ Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, 35900, Perak, Malaysia.
Email: syahminazaidi01@gmail.com

*Corresponding Author: syahminazaidi01@gmail.com

Received Date: 28 May 2024 • Accepted Date: 28 June 2024 • Published Date: 25 July 2025

Abstrak

Tatabahasa Arab adalah salah satu cabang linguistik bahasa Arab yang perlu dipelajari oleh pelajar khususnya yang mengambil bidang pengkhususan bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi. Ia merupakan aspek yang penting yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa terutamanya bagi kemahiran membaca. Melalui penguasaan tatabahasa Arab, pelajar mampu untuk mengenal pasti bentuk ayat yang terdapat di dalam teks bahasa Arab sekali gus membantu pelajar untuk menentukan kaedah bacaan yang betul bagi bentuk ayat tersebut. Terdapat isu berkaitan penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mendorong kepada permasalahan dalam kemahiran membaca teks bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti persepsi pelajar tentang kepentingan tatabahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran membaca. Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik bagi memperoleh persepsi pelajar berkaitan isu kajian ini. Seramai 140 orang mahasiswa dan mahasiswi daripada program pengajian Ijazah Sarjana Muda bahasa Arab dengan Pendidikan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris telah dipilih sebagai responden kajian ini. Berdasarkan analisis deskriptif, nilai min tertinggi iaitu 4.69 pada item pertama iaitu "Tatabahasa Arab membantu saya mengenal pasti fungsi perkataan di dalam teks yang dibaca" menunjukkan peranan tatabahasa adalah signifikan dalam meningkatkan kemahiran membaca teks Bahasa Arab.

Kata Kunci: Linguistik bahasa Arab, Kemahiran Membaca dan Pengajian Tinggi

Abstract

Arabic grammar is one branch of Arabic linguistics that needs to be studied by students, especially those specializing in Arabic at the higher education level. It is an important aspect that students need to master to acquire language skills, especially reading skills. Through the mastery of Arabic grammar, students can identify the sentence structures found in Arabic texts, thereby helping them determine the correct reading methods for those sentence structures. Issues related to the mastery of Arabic grammar among students have emerged, leading to problems in reading skills of Arabic texts. Therefore, this study was conducted to identify students' perceptions of the importance of Arabic grammar in reading skills. This study is quantitative in nature, using a questionnaire instrument to obtain student's perceptions regarding this research issue. A total of 140 students from the Bachelor of Arabic Language with Education program at Sultan Idris Education University were selected as respondents for this study. Based on the descriptive analysis, the highest mean value of 4.69 on the first item which is "Arabic grammar helps me identify the function of words in the text being read" indicates the significant role of grammar in increasing reading skills for Arabic texts.

Keyword: Arabic Language Linguistics, Reading Skills and Higher Education.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite as: Siti Nursyahmina Azmina Sheikh Mohd Zaidi & Mohammad Taufiq Abdul Ghani. 2025. Persepsi Pelajar Terhadap Kepentingan Tatabahasa Arab Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Di Universiti Pendidikan Sultan Idris [Student's Perceptions Of The Importance Of Arabic Grammar To Increase Reading Skills At Sultan Idris Education University]. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 9(2): 1-11.

PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang tidak asing dalam kalangan pelajar kerana bahasa ini telah didedahkan sejak peringkat awal persekolahan di Malaysia. Umum mengetahui bahawa bahasa Arab tidak asing dalam kalangan pelajar pengajian agama dan mereka telah lama mengikuti pembelajaran bahasa ini secara formal bermula dari sekolah rendah hingga ke peringkat menengah sebelum memasuki pusat-pusat pengajian tinggi negara (Sulaiman et al., 2021).

Di peringkat pengajian tinggi, mahasiswa-mahasiswa yang mengambil bidang pengajian Bahasa Arab perlu mengambil kursus tatabahasa Arab kerana ia merupakan salah satu kursus pembelajaran yang penting di dalam cabang linguistik Bahasa Arab. Banyak kursus bahasa Arab ditawarkan di universiti yang memfokuskan kepada pelbagai bidang Bahasa Arab (Irfan et al., 2023).

Bahasa Arab adalah bahasa yang kaya dengan tatabahasa Arab, kepelbagaian gaya bahasa, *wazan* yang membawa pelbagai maksud dan mempunyai peradaban sastera yang sangat unik (Siti Salwa et al., 2021). Oleh itu, penguasaan terhadap tatabahasa Arab dilihat sebagai perkara yang signifikan dalam mempelajari sesuatu bahasa. Tatabahasa merupakan salah satu cabang bahasa Arab yang sangat penting kerana tujuan mempelajari tatabahasa Arab adalah untuk memperbetulkan lidah daripada berlaku kesalahan dalam percakapan dan

pembacaan serta memperbetulkan tulisan semasa menulis (Wan Rohani et al., 2020).

Penguasaan tatabahasa Arab adalah signifikan dalam kalangan pelajar kerana ia adalah aspek utama yang perlu dikuasai dengan baik agar pelajar mampu mengaplikasikan penggunaan tatabahasa tersebut secara teori dan praktikal dengan baik. Pembelajaran tatabahasa Arab (Nahwu) bukan hanya sekadar ilmu yang penting dalam pembelajaran bahasa Arab, ia juga merupakan panduan yang sistematik kepada pembaca untuk berkomunikasi dengan tepat (Rifka et al., 2024). Ia bertujuan untuk membantu pelajar untuk mampu menggunakan bahasa Arab secara tepat, menghindari kekeliruan dan memahami kaedah bahasa dalam konteks praktikal. Jelaslah bahawa penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah penting bagi membolehkan pelajar untuk menguasai kemahiran membaca dengan baik.

Kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran-kemahiran bahasa yang perlu dikuasai bagi membolehkan pelajar mengetahui tahap penguasaan mereka terhadap sesuatu bahasa asing. Kemahiran membaca secara harfiah bermaksud kecekapan dan kepandaian memerhati tulisan serta memahami maksudnya (Iza Salsabila & Kaseh, 2021). Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran membaca merupakan penanda aras seseorang dalam memahami teks dan kaedah membaca yang betul. Dalam konteks bahasa Arab, pelajar perlu menguasai tatabahasa Arab bagi membolehkan mereka membaca teks bahasa Arab dengan baik. Kemampuan membaca teks Arab bergantung kepada pemahaman terhadap *qawaid* atau tatabahasa yang meliputi ilmu *nahwu* (sintaksis) dan *sof* (morfologi). Kemampuan ini dapat mempengaruhi pembaca dalam memahami isi kandungan dan makna dari teks yang dibaca (Rappe, 2020).

Pemahaman pelajar terhadap tatabahasa Arab dengan baik mampu untuk membantu pelajar mengetahui baris bacaan yang betul berdasarkan konteks ayat tersebut. Pembelajaran tatabahasa bertujuan untuk mengelakkan kesilapan berkaitan pembacaan (Mohd Fauzi et al., 2023). Kemahiran membaca teks bahasa Arab memerlukan teknik dan pendekatan yang sesuai. Ini adalah penting bagi memastikan bacaan teks tersebut adalah betul dari segi tatabahasa Arab (Wazzainab et al., 2022). Bacaan teks yang tepat pada bunyi atau baris perkataan memerlukan kefahaman tatabahasa yang bagus.

Kemahiran membaca merangkumi proses pemikiran konstruktif berkaitan teks. Pada dasarnya, membaca adalah proses pemikiran yang konstruktif dan merangkumi pemahaman makna tersurat dan tersirat yang terdapat di dalam teks tersebut (Iza Salsabila & Kaseh, 2021). Pemikiran berkaitan penentuan konteks ayat yang terdapat di dalam teks Arab adalah dipengaruhi oleh *Amil* yang mampu menentukan baris bacaan bagi perkataan tersebut. Tatabahasa Arab harus dikategorikan berdasarkan *Amil* (عامل) yang dikhususkan baginya, pembahagian tatabahasa Arab boleh diadakan dengan membahagikan amil kepada empat jenis iaitu amil *al-rafi* (عامل الرفع), amil *al-nasbi* (عامل النصب), amil *al-jar* (عامل الجر) dan amil *al-jazmi* (عامل الجزم) (Awatif et al., 2020). Melalui amil-amil yang dikenal pasti di dalam struktur teks, pelajar dapat menentukan baris bacaan dengan betul.

PENYATAAN MASALAH

Isu utama yang terdapat di dalam kajian ini ialah pelajar tidak mampu untuk menguasai kemahiran membaca teks berbahasa Arab. Situasi yang sama turut dialami oleh pelajar di peringkat pengajian tinggi di mana mereka tidak dapat menguasai kemahiran berbahasa Arab secara menyeluruh (Nurul Iza Salsabila & Kaseh, 2021). Isu ini turut ditekankan oleh Nikmatus dan Fahrurrozi (2023), yang menyatakan antara faktor utama yang menyebabkan kesukaran dalam pembelajaran bahasa Arab oleh pelajar adalah masalah berkaitan linguistik bahasa iaitu tatabahasa adalah yang pertama dan mempunyai kesan yang paling ketara terhadap keputusan pembelajaran pelajar. Jelaslah bahawa isu berkaitan kemahiran membaca pelajar berkait rapat dengan penguasaan tatabahasa Arab. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi mahasiswa-mahasiswi bahasa Arab terhadap tatabahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran membaca pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pengkaji ingin melihat pandangan mahasiswa-mahasiswi berkaitan tatabahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran membaca sama ada ia adalah signifikan atau sebaliknya. Akhir sekali, kajian ini akan merumuskan persepsi mahasiswa-mahasiswi yang mengambil jurusan bahasa Arab di UPSI tentang kepentingan penguasaan tatabahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran membaca teks bahasa Arab.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan. Populasi bagi kajian ini terdiri daripada pelajar yang mengambil Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar tahun 1 dan 2 iaitu seramai 220 orang. Seramai 140 orang pelajar telah dipilih sebagai responden berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Instrumen kajian ini ialah soal selidik. Instrumen ini mempunyai 2 bahagian iaitu A: Demografi Responden dan B: Persepsi pelajar terhadap kepentingan tatabahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran membaca di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Instrumen kajian ini mempunyai 11 item dengan menggunakan 5 skala likert. Kesahan instrumen kajian juga telah dibuat oleh pakar dalam bidang ini. Analisis data akan dilaksanakan menggunakan perisian IBM *Statistical Package for Social Sciences* (IBM SPSS) bagi mendapatkan nilai min bagi soal selidik tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Demografi Responden

Jantina	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	42	30
Perempuan	98	70
Total	140	100

Berdasarkan Jadual 1, seramai 140 responden telah mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 42 responden dari pelajar lelaki iaitu 30% daripada keseluruhan responden. Sementara itu, responden dalam kalangan pelajar perempuan

adalah seramai 98 orang, iaitu 70% daripada jumlah keseluruhan responden. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden soal selidik ini adalah perempuan, dengan nisbah yang lebih tinggi berbanding lelaki.

Jadual 2: Tahun Pengajian Responden

Tahun	Frekuensi	Peratus (%)
Tahun 1	77	55
Tahun 2	63	45
Jumlah	140	100

Berdasarkan Jadual 2, daripada jumlah tersebut, seramai 77 responden adalah pelajar Tahun 1, yang mewakili 55% daripada keseluruhan responden. Manakala, pelajar Tahun 2 seramai 63 orang, iaitu 45% daripada jumlah keseluruhan responden. Data ini menunjukkan bahawa pelajar Tahun 1 merupakan kumpulan majoriti dalam soal selidik ini dengan penyertaan yang lebih tinggi berbanding pelajar Tahun 2.

Jadual 3: Tahap pendidikan responden

Tahap Pendidikan	Frekuensi	Peratus (%)
STAM	75	53.6
STPM	54	38.6
DIPLOMA	11	7.9
Jumlah	140	100

Berdasarkan Jadual 3, majoriti responden iaitu seramai 75 orang (53.6%), adalah dari tahap pendidikan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Diikuti oleh pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) seramai 54 orang (38.6%). Sementara itu, pelajar dari tahap Diploma merupakan minoriti dengan hanya 11 orang (7.9%). Data ini menunjukkan bahawa pelajar dengan kelulusan STAM merupakan kumpulan utama yang menyertai soal selidik ini diikuti oleh STPM dan Diploma.

Jadual 4: Skala Likert

Skala	Penjelasan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Dalam kajian ini, skala likert adalah alat pengukuran yang digunakan untuk menentukan skala persetujuan responden terhadap item di dalam soal selidik. Skala likert ini terdiri daripada lima skala yang memberikan responden peluang untuk menunjukkan sama ada mereka bersetuju atau tidak bersetuju dengan item-item yang diberikan. Skala 1 menunjukkan bahawa

responden “Sangat Tidak Setuju”, skala 2, “Tidak Setuju” menunjukkan bahawa tiada persetujuan terhadap item, skala 3 iaitu “Tidak Pasti” memberikan responden pilihan sama ada setuju atau tidak setuju terhadap item, skala 4 iaitu “Setuju” menunjukkan bahawa responden setuju terhadap item dan skala 5 iaitu “Sangat Setuju” menunjukkan bahawa responden sangat setuju dengan item yang dikemukakan dalam soal selidik tersebut. Skala likert dapat memudahkan penilaian yang lebih terperinci terhadap persepsi individu mengenai isu atau topik yang dikaji.

Jadual 5: Interpretasi skor min berdasarkan skala likert

Skor Min	Skala likert
1.00 – 1.99	Sangat tidak setuju
2.00 – 2.99	Tidak setuju
3.00 – 3.99	Tidak pasti
4.00 – 4.49	Setuju
4.50 – 5.00	Sangat setuju

Berdasarkan Jadual 5, skala likert 1-5 mempunyai lima nilai interpretasi skor min bagi menggambarkan tahap persepsi responden terhadap item-item yang dikaji. Skor 1.00 – 1.99 menunjukkan tahap persetujuan yang sangat rendah iaitu responden sangat tidak setuju dengan item tersebut. Skor 2.00 – 2.99 pula mewakili skala likert “Tidak setuju”. Skor 3.00 – 3.99 mewakili skala likert bagi “Tidak pasti” iaitu responden tidak mempunyai kecenderungan yang untuk bersetuju atau tidak bersetuju dengan item yang dikemukakan. Skor 4.00 – 4.49 menunjukkan tahap persetujuan iaitu “Setuju”. Akhir sekali, skor 4.50 – 5.00 menunjukkan tahap persetujuan yang sangat tinggi, di mana majoriti responden “Sangat setuju” dengan item tersebut.

Jadual 6: Analisis statistik deskriptif

N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
140	1.09	4.91	4.5838	0.54655

Berdasarkan jadual 6, analisis statistik deskriptif menunjukkan bahawa seramai 140 responden terlibat dalam soal selidik ini. Skor minimum yang dicatatkan ialah 1.09 iaitu “Sangat tidak setuju” manakala skor maksimum ialah 4.91 iaitu “Sangat setuju”. Nilai min keseluruhan ialah 4.5838, yang menunjukkan bahawa tahap persetujuan responden secara purata berada pada kategori sangat setuju berdasarkan skala Likert 1-5. Manakala, sisihan piawai adalah .54655. Data ini menunjukkan persepsi pelajar tentang kepentingan tatabahasa Arab terhadap kemahiran membaca adalah signifikan terhadap item-item yang dikemukakan di dalam soal selidik.

Jadual 7: Persepsi pelajar terhadap kepentingan tatabahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran membaca

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Tatabahasa Arab membantu saya mengenal pasti fungsi perkataan di dalam teks yang dibaca.	4.69	0.576
2	Penguasaan tatabahasa Arab membantu saya untuk membaca teks Bahasa Arab dengan lancar.	4.68	0.649
3	Dengan ilmu tatabahasa Arab, saya dapat mengaplikasikannya dengan baik dalam pembacaan teks bahasa Arab.	4.63	0.661
4	Penguasaan tatabahasa Arab dapat mempengaruhi kemampuan saya untuk membaca teks bahasa Arab yang kompleks.	4.56	0.712
5	Penguasaan tatabahasa Arab yang baik mendorong saya untuk memahami pelbagai teks berbahasa Arab.	4.54	0.714
6	Dengan mempelajari tatabahasa Arab, saya boleh membaca teks bahasa Arab dengan baris yang tepat tanpa perlu merujuk kamus.	4.37	0.781
7	Dengan penerapan ilmu tatabahasa Arab dalam pembacaan, saya mampu membezakan bacaan pada baris akhir perkataan.	4.56	0.681
8	Penguasaan tatabahasa Arab yang baik membantu untuk memberikan keyakinan untuk membaca teks di khalayak ramai.	4.58	0.690
9	Penguasaan tatabahasa Arab membolehkan saya untuk mengenal pasti jenis amil bagi ayat di dalam teks bahasa Arab.	4.60	0.666
10	Penguasaan tatabahasa Arab merupakan aspek yang signifikan untuk meningkatkan kemahiran membaca saya.	4.59	0.645
11	Dengan memperkukuhkan penguasaan tatabahasa Arab, saya yakin bahawa pemahaman terhadap teks Arab akan bertambah baik.	4.63	0.661

Berdasarkan Jadual 7 di atas, penilaian terhadap setiap item dalam soal selidik ini

menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi terhadap kepentingan tatabahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran membaca teks bahasa Arab. Item pertama iaitu “Tatabahasa Arab membantu saya mengenal pasti fungsi perkataan di dalam teks yang dibaca” dengan nilai min 4.69 dan sisihan piawai .576 yang menunjukkan responden sangat bersetuju bahawa tatabahasa memudahkan pemahaman fungsi perkataan. Seterusnya, responden yakin bahawa tatabahasa membantu mereka membaca dengan lancar pada item ke-2, “Penguasaan tatabahasa Arab membantu saya untuk membaca teks Bahasa Arab dengan lancar” dengan nilai min 4.68 dan sisihan piawai .649. Responden juga menunjukkan persetujuan yang tinggi pada item ke-3, “Dengan ilmu tatabahasa Arab, saya dapat mengaplikasikannya dengan baik dalam pembacaan teks bahasa Arab” dengan nilai min 4.63 dan sisihan piawai .661. Tatabahasa juga dianggap penting untuk memahami teks yang kompleks pada item ke-4, “Penguasaan tatabahasa Arab dapat mempengaruhi kemampuan saya untuk membaca teks bahasa Arab yang kompleks” dengan nilai min 4.56 dan sisihan piawai .712. Responden juga menunjukkan persepsi yang tinggi terhadap item ke-5, “Penguasaan tatabahasa Arab yang baik mendorong saya untuk memahami pelbagai teks berbahasa Arab” dengan penguasaan tatabahasa Arab mampu memberi dorongan kepada responden untuk memahami pelbagai jenis teks berbahasa Arab dengan nilai min 4.54 dan sisihan piawai .714.

Bagi item ke-6, “Dengan mempelajari tatabahasa Arab, saya boleh membaca teks bahasa Arab dengan baris yang tepat tanpa perlu merujuk kamus” responden bersetuju bahawa tatabahasa membantu untuk membaca dengan baris yang tepat tanpa perlu merujuk kamus dengan nilai min 4.37 dan sisihan piawai .78. Item ke-7 iaitu “Dengan penerapan ilmu tatabahasa Arab dalam pembacaan, saya mampu membezakan bacaan pada baris akhir perkataan” memperoleh nilai min sebanyak 4.56 dan sisihan piawai .681. Tatabahasa turut meningkatkan keyakinan responden untuk membaca di khalayak ramai iaitu pada item ke-8, “Penguasaan tatabahasa Arab yang baik membantu untuk memberikan keyakinan untuk membaca teks di khalayak ramai” dengan nilai min 4.58 dan sisihan piawai .690. Bagi item ke-9, “Penguasaan tatabahasa Arab membolehkan saya untuk mengenal pasti jenis amil bagi ayat di dalam teks bahasa Arab” memperoleh nilai min 4.60 dan sisihan piawai .666. Responden juga mengakui bahawa tatabahasa adalah aspek penting untuk meningkatkan kemahiran membaca secara keseluruhan pada item ke-10 “Penguasaan tatabahasa Arab merupakan aspek yang signifikan untuk meningkatkan kemahiran membaca saya” dengan nilai min 4.59 dan sisihan piawai .645. Akhir sekali, pada item ke-11 iaitu “Dengan memperkukuhkan penguasaan tatabahasa Arab, saya yakin bahawa pemahaman terhadap teks Arab akan bertambah baik” memperoleh nilai min 4.63 dan sisihan piawai .661.

Keseluruhannya, data ini menunjukkan persepsi responden terhadap kepentingan tatabahasa Arab terhadap kemahiran membaca bahasa Arab, Berdasarkan nilai min dan sisihan piawai setiap item, secara keseluruhannya, skor min bagi semua item berada dalam julat tinggi iaitu di antara 4.37 hingga 4.69 yang menunjukkan persetujuan yang tinggi dalam kalangan responden. Nilai min tertinggi adalah pada item yang pertama iaitu “Tatabahasa Arab membantu saya mengenal pasti fungsi perkataan di dalam teks yang dibaca” dengan min 4.69. Sebaliknya, nilai min terendah adalah item ke-6, “Dengan mempelajari tatabahasa Arab, saya boleh membaca teks bahasa Arab dengan baris yang tepat tanpa perlu merujuk kamus” dengan min 4.37.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penguasaan tatabahasa Arab memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan responden. Berdasarkan analisis deskriptif, nilai min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.5838 menunjukkan setiap responden memberikan tahap persetujuan yang sangat tinggi terhadap kepentingan tatabahasa Arab dalam kemahiran membaca. Dapatan ini bertepatan dengan kajian oleh Wazzainab et al. (2022), penemuan kajian ini menjelaskan bahawa refleksi aplikasi teori ausubel semasa pelaksanaan pemetaan tatabahasa asas ketika membaca teks Arab mempunyai kesan positif terhadap penguasaan tatabahasa Arab seperti *i'rab*, meningkatkan kemahiran membaca dan memupuk aktiviti berfikir kritis.

Responden turut bersetuju bahawa tatabahasa membantu mereka mengenal pasti fungsi perkataan dalam teks, membaca dengan lancar dan memahami teks yang kompleks. Nilai min tertinggi iaitu 4.69 pada item pertama, iaitu “Tatabahasa Arab membantu saya mengenal pasti fungsi perkataan di dalam teks yang dibaca”, menunjukkan peranan utama tatabahasa dalam memberikan asas pemahaman teks. Ini bertepatan dengan dapatan kajian yang dikaji oleh Siti Nur Hadis et al. (2024), pemahaman yang mendalam tentang tatabahasa juga memungkinkan pelajar untuk menganalisis teks-teks bahasa Arab dengan lebih baik, yang secara signifikan memperbaiki pemahaman mereka terhadap bacaan dan tafsiran teks.

Nilai min terendah tercatat pada item keenam dengan nilai 4.37, walaupun nilai min terendah, namun, ia masih berada pada skala persetujuan yang tinggi menunjukkan bahawa responden bersetuju tatabahasa penting untuk membaca teks dengan tepat tanpa perlu merujuk kamus. Dapatan ini bersesuaian dengan dapatan kajian yang dilaksanakan oleh Wazzainab et al. (2022), ilmu tatabahasa Arab iaitu Nahu/ Sintak dan Saraf/Morfologi adalah sangat penting dalam usaha membantu pelajar mengetahui baris perkataan yang dibaca. Jelaslah bahawa tatabahasa Arab memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar untuk membaca teks dengan baris perkataan yang tepat.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kepentingan tatabahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran membaca teks bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa penguasaan tatabahasa Arab memainkan peranan signifikan dalam kemahiran membaca bahasa Arab. Nilai min bagi setiap item soal selidik adalah tinggi mengesahkan persepsi pelajar bagi tatabahasa Arab sebagai elemen signifikan dalam membina keyakinan, memahami konteks ayat dan membezakan struktur ayat yang kompleks yang terdapat di dalam teks bahasa Arab. Faktor-faktor seperti fungsi tatabahasa untuk mengenal pasti jenis amil dan bentuk perkataan serta penerapan tatabahasa dalam membaca tanpa kebergantungan pada kamus turut menyumbang kepada kemampuan membaca teks dengan lebih lancar. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menekankan kepentingan tatabahasa Arab sebagai asas kepada penguasaan kemahiran membaca teks berbahasa Arab serta mencadangkan strategi pembelajaran tatabahasa yang lebih berkesan kepada pengkaji akan datang. Dengan dapatan kajian ini, ia mampu memberi panduan kepada pengkaji akan datang untuk melaksanakan kajian berkaitan isu ini sekali gus membantu memperkasa

kemahiran membaca dalam kalangan pelajar bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi.

RUJUKAN

- A Rahman, S. N. H., Lee, H. Y., Mustafa, R. R., & Fkhururazi, S. N. M. (2024). Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Penggunaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua Pelajar INSTEDT: Influences of Mother Tongue on the Use of Arabic as a Second Language among INSTEDT Students. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 14(2), 60–69. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v14i2.9883>.
- Abdul Hamid, M. F., Ab. Halim, Z. & Yahaya, M. F. (2023). Kepentingan Ilmu Nahu dalam Memahami Teks Syarak [The Importance of The Science of Grammar (Ilmu Nahwu) in Understanding Syariah Texts]. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 7(2), 87-94. <https://doi.org/10.37231/mjis.2023.7.2.230>.
- Abdul Rahman, A., Zulkifli, M. S., Hashimee, M., Wazir, A., Sayed, M., & Mansor, N. (2020). Tahap Penguasaan Ilmu Nahu Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab. *E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik (e-JBL)*, 2(2), 102-116. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v2i2.53>.
- Emiyati, R., Amaliah, R., Alfayed, M., Umair, M., & Nasution, S. (2024). Kemampuan Penerapan Aturan Tata Bahasa Dalam Penulisan Bahasa Arab. Emiyati | *Madani: Jurnal Ilmiah Multidisiplin*. <https://doi.org/10.5281/zenodo.10452255>.
- Ismail, S., Mohamed, Y., Razak, Z. R. A., Ibrahim, M. H., & Isa, Z. (2021). Analisis Kesilapan Sintaksis Bahasa Arab dalam Penulisan Karangan Pelajar Natif Bahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 27–36. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v11.5231>.
- Ismail, W. B., Azizan, K. F. B. K., Rahman, A. B. A., Jamali, H. N. B., & Nordin, H. M. (2022). Reflection on The Ausubel's Theory Application (ATA) in Basic Grammar Mapping (BGM) For Teaching Arabic Text Reading Skills. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1), 1407 – 1416.
- Ismail, W., Jamali, H. N., Ku Azizan, K., A. & Mat Saad, D., U. (2022). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Peta Asas Tatabahasa (PAT) untuk Pengajaran Kemahiran Membaca Teks Bahasa Arab. *14th International Conference on Humanities and Social Sciences, 14th ICHiSS 2022*, 193-199. https://www.researchgate.net/profile/IyliaMohamad/publication/368652349_Pandangan_Ibu_Bapa_Dalam_Pemberian_Vaksin_PICKid_Pandangan_Dari_Sudut_Islam_Sebagai_Ikhtiar/links/63f2d6af2958d64a5ce35a68/Pandangan-Ibu-Bapa-Dalam-Pemberian-Vaksin-PICKid-Pandangan-Dari-Sudut-Islam-Sebagai-Ikhtiar.pdf#page=208.
- Mokhtar, W. R. W., Rahman, M. Z. A., Adnan, M. a. M., & Salleh, N. H. M. (2020). Implikasi Penguasaan Tatabahasa Arab Terhadap Kemahiran Menulis dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. *Al-Basirah Journal*, 10(1), 53-68. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/24599>.

- Noor, S. S. M., Osman, N., Rouyan, N. M., Hat, N. C. & Saad, K. N. M. (2021). Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Luar Kelas dalam Kalangan Penutur Bukan Asli Bahasa Arab [Arabic Speaking Skills Outside The Classroom among Non-Native Speakers of Arabic]. *BITARA International Journal of Civilational Studies and Human Sciences*, 4(2), 59-69. <http://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/192>.
- Rani, N. I. S. C. & Bakar, K. A. (2021). *Kaedah Menilai Kecekapan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar IPTA [Method of Assessing The Proficiency of Arabic Reading Skills among PHEI Students]*. *International Journal of Civilational Studies and Human Sciences*, 4(1), 158-170. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/173>.
- Rappe, R. (2020). Kemahiran Membaca Bahasa Arab Tingkat Mutaqaddimin serta Metode dan Strategi Pembelajarannya. *Shaut Al Arabiyyah*, 8(2), 131. <https://doi.org/10.24252/saa.v8i2.17786>.
- Rusdi, M. I. M., Abdullah, I., Suparia, F. a. A., Raffi, M. S. M. & Ghazuddin, F. (2023). *Kajian Literatur: Hubungkait Penguasaan Tatabahasa Arab dan Kemahiran Menulis [Literature Review: The Correlation between The Mastery of Arabic Grammar and Writing skills]*. *International Journal of Civilational Studies and Human Sciences*, 6(3), 99-108. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/393>.
- Sakdiah, N., & Sihombing, F. (2023). Problematika Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Sathar*, 1(1), 34–41. <https://doi.org/10.59548/js.v1i1.41>.